



**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN  
PEGAWAI KONTRAK PESURUHJAYA (*CONTRACT OF COMMISSIONER*) DI  
PEJABAT PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI,  
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN DIGITAL**

**1. Penolong Akauntan – 1 kekosongan**

**Syarat-syarat kelayakan:-**

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Mempunyai kelayakan seperti berikut:-
  - i. Diploma dalam bidang pengajian perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - ii. Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
  - iii. Mahir menggunakan *Microsoft Office* dan *Microsoft Excel*; dan
  - iv. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

**DESKRIPSI TUGAS:-**

- i. Bertanggungjawab membantu melaksanakan sistem perakaunan kerajaan mengikut prosedur dan peraturan yang berkaitan.

**KEMUDAHAN:**

Gaji Minimum	:	RM1,510.92
Gaji Maksimum	:	RM5,678.00
Caruman	:	KWSP dan PERKESO

## 2. Pembantu Operasi – 1 kekosongan

### Syarat-syarat kelayakan:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Mempunyai kelayakan seperti berikut:-
  - i. Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)].

### DESKRIPSI TUGAS:-

- i. Menjalankan kerja-kerja memasukkan sijil di dalam sampul pos; dan
- ii. Menjalankan kerja penghantaran surat.

### KEMUDAHAN:

Gaji Minimum	:	RM1,216.00
Gaji Maksimum	:	RM2,983.00
Caruman	:	KWSP dan PERKESO

### CARA MEMOHON:

- a) Calon yang berminat untuk memohon jawatan tersebut perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:
  - i. Borang Permohonan Jawatan;
  - ii. *Curriculum Vitae / Resume*;
  - iii. Salinan sijil PMR/SPM/STPM/DIPLOMA/IJAZAH atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan ; dan
  - iv. Sijil Vaksinasi
  
- b) **Tarikh Tutup Permohonan ialah pada 16 Oktober 2023.**

Semua permohonan yang lengkap diisi beserta dokumen yang diperlukan hendaklah dikemukakan kepada:

**Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP)  
Aras 6, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Digital  
Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62100 PUTRAJAYA**

## **ATAU**

Email ke [pengambilan@pdp.gov.my](mailto:pengambilan@pdp.gov.my)

## **TEMU DUGA**

Hanya pemohon yang layak dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil menghadiri temu duga. Permohonan adalah dianggap TIDAK BERJAYA sekiranya pemohon tidak menerima sebarang panggilan ke temu duga dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh tutup iklan. Segala perbelanjaan menghadiri temu duga adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.

## **KEPUTUSAN**

Keputusan temu duga hanya akan dimaklumkan kepada pemohon yang berjaya sahaja. Keputusan pelantikan secara rasmi akan dimaklumkan setelah mendapat perakuan pelantikan daripada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi.

## **PERTANYAAN**

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:

Cik Siti Noorain binti Md Saad                      Tel     : 03-8911 5168

Puan Norshida binti Sahat                         Tel     : 03-8911 7912

**TARIKH IKLAN DISIARKAN : 10 Oktober 2023 – 16 Oktober 2023**